

Headline	FRIM buat kajian tanam pokok hutan di kawasan bandar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	14	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	160 cm <sup>2</sup>
Journalist	FIRDAUS HASSAN	AdValue	RM 1,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,173



# FRIM buat kajian tanam pokok hutan di kawasan bandar

Oleh **FIRDAUS HASSAN**  
firdaus.hassan@kosmo.com.my

**KUCHING** – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merancang untuk mengkaji secara saintifik kaedah penanaman pokok hutan di kawasan bandar bagi menggantikan pokok hiasan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latiff Mohmod (**gambar**) berkata, kajian itu memainkan peranan penting dalam usaha memelihara khazanah hutan negara dalam tempoh jangka masa panjang.

Katanya, kajian tersebut akan meneliti kaedah yang tepat bagi memastikan pokok hutan yang di-



tanam mampu membesar dalam tempoh yang singkat tanpa mengganggu keselamatan orang ramai.

“Kita menyedari kebanyakan spesies pokok hutan di negara ini memiliki saiz yang besar dan mengambil masa yang lama untuk tumbesaran matang.

“Justeru, kajian ini akan mendapatkan data-data saintifik dan penemuan terbaharu penanaman pokok hutan di kawasan bandar,” katanya selepas majlis perasmian Seminar Perhutanan Bandar sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Mohd. Ali Mohamad Nor dan Datuk Ban-

dar Dewan Bandaraya Kuching Utara, Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai.

Seminar yang berlangsung selama dua hari itu bertemakan *Hutan dan Taman: Komunikasi Maklumat Untuk Kelestarian* bakal membincangkan isu ekologi dan penggunaan hutan bandar terhadap alam semula jadi.

Sementara itu, Abd. Latiff berkata, idea menanam pokok hutan di kawasan bandar diambil dari China yang menanam pokok karas di sepanjang lebuh raya dari lapangan terbang ke pusat bandar.

Katanya, kajian itu juga menjadi serampang dua mata iaitu melindungi alam sekitar dan mengimbangi kepesatan pembangunan hutan konkrit di kawasan bandar.